

21 MAR 1996

AGONG UTUS TAHNIAH KEPADA NAMIBIA

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutus ucapan tahniah kepada Presiden Namibia, Dr Sam Nujoma sempena Hari Kebangsaan negara itu hari ini.

Dalam perutusannya, Seri Paduka Baginda mendoakan agar rakyat Namibia terus menikmati keamanan, kemajuan dan kemakmuran di bawah pimpinan Nujoma.

Dalam perutusan yang sama kepada rakan sejawatannya, Hage G Geingob, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau sukacita hubungan antara Malaysia dan Namibia terus berkembang maju.

"Saya berharap kedua-dua kerajaan akan terus bekerjasama untuk mengukuh dan mengeratkan kerjasama yang sedia ada antara kedua-dua negara," katanya.

Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi turut menghantar perutusan yang serupa kepada rakan sejawatannya, Theo-Ben Gurirab. --
Bernama

ZAB AHH